

19 SEP 2000

Abdullah-Umno

PERLEMBAGAAN UMNO AKAN DIPINDA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perlembagaan Umno akan dipinda untuk membolehkan pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) diadakan serentak kemungkinan sama ada pada 2003 atau 2004, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Yang nyata sekali mereka (anggota Umno) mahu pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan MT dijalankan pada tahun yang sama," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di sini.

Beliau sebelum itu memberi taklimat mengenai cadangan pindaan Perlembagaan Umno yang akan dibuat pada perhimpunan agung khas November ini kepada semua ketua bahagian, timbalan mereka dan enam wakil termasuk dari Pemuda dan Wanita Umno bahagian di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Taklimat itu bertujuan menggalakkan anggota-anggota Umno memberi kerjasama dan input dalam usaha parti itu untuk memperkenalkan pindaan-pindaan yang sesuai dengan perubahan masa.

Abdullah berkata untuk melaksanakan pemilihan serentak di ketiga-tiga peringkat itu, beberapa penyesuaian akan dilakukan terlebih dahulu.

Katanya pemilihan peringkat bahagian yang dijadualkan tahun akan tetap diteruskan.

Abdullah berkata anggota Umno juga mahu supaya tempoh pelaksanaan pemilihan serentak itu diadakan pada tahun yang sama dengan pemilihan anggota MT.

Pemilihan MT diadakan pada tahun ini dan berdasarkan tempoh menjadi anggota MT selama tiga tahun, pemilihan akan datang dijadualkan pada 2003.

"Kalau kita perlu menangguhkan, maka semua (pemilihan) kita tangguh. Kalau kita perlu percepatkan semua kita percepatkan (untuk selaraskan tempoh pemilihan)," katanya.

Abdullah berkata pemilihan serentak itu juga diharap dapat mengurangkan politik dalam parti.

Pada taklimat itu juga, anggota Umno mencadangkan supaya pengambilan anggota baru di peringkat cawangan dan bahagian dipermudahkan dan dibuat secara lebih terbuka.

"Mereka ini (anggota baru) perlu diterima dengan baik kerana mereka adalah orang yang berminat dengan Umno, mahu mendokong cita-cita perjuangan Umno dan mahu berjuang bersama dengan Umno," katanya.

Abdullah juga berkata pindaan pada perlembagaan parti itu juga akan menyediakan peruntukan bagi penubuhan Puteri Umno.

Peruntukan mengenai penubuhan Puteri Umno perlu dimasukkan dalam perlembagaan Umno manakala rangka kerja mengenai strukturnya pula akan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Umno sebelum dibawa ke peringkat MT, kata beliau.

Naib Ketua Wanita Umno Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang turut berada pada sidang media itu berkata segala pandangan dari setiap peringkat Wanita Umno telah diambil kira di dalam penyediaan rangka kerja struktur Puteri Umno.

Beliau berkata objektif penubuhan Puteri Umno akan menyerupai matlamat Pergerakan Pemuda Umno iaitu bagi menggalakkan penyertaan golongan muda ke dalam parti seperti apa yang dimahukan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shahrizat juga berharap selain pindaan perlembagaan bagi penubuhan Puteri Umno, perhimpunan agung khas itu akan juga mengambil kira pindaan-pindaan perlembagaan yang bermatlamat meningkatkan martabat wanita.

Sementara itu, Presiden Nahdatul Ulama (NU) dari Indonesia, Salahuddin Wahid, adik Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid, mengadakan pertemuan selama 30 minit dengan Abdullah di PWTC.

-- BERNAMA

MHI APG ES RON